

27/08/2000

Taman Orkid, Bunga Raya makin popular

Norfatimah Ahmad

TAMAN Orkid, Bunga Raya dan Reptilia di Bukit Jambul, Pulau Pinang semakin ramai dikunjungi.

Sejak dibuka pada Ogos 1992, pengunjung sama ada dari dalam, mahupun luar negara ke taman berkenaan akan memastikan mereka melihat bunga raya istimewa berwarna merah dan merah jambu.

Menyedari ia adalah bunga rasmi negara dan memiliki ciri-ciri keunikan tersendiri, pengurusan taman kemudiannya menamakan pula satu lagi bunga raya kacukan berdasarkan nama pemimpin terkemuka negara, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini turut menjadi tumpuan utama pengunjung.

Terletak di Persiaran Bukit Jambul dan hanya lima minit perjalanan dari Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB) Bayan Lepas, taman itu turut mempamerkan pelbagai jenis orkid dan reptilia.

Taman seluas kira-kira dua hektar itu terletak di pinggir bukit yang nyaman dan keindahannya terserlah dengan lanskap menarik .

Bagi pengumpul bunga-bunga itu, kunjungan ke taman berkenaan tidak akan menghampakan kerana daripada kira-kira 200 spesies orkid yang dipamerkan, ia turut membabitkan orkid luar negara.

Taman berkenaan juga dilengkapi dengan rumah Melayu tradisional yang direka bentuk khas menjadi pusat jualan cenderahati dan tumbuh-tumbuhan, selain galeri seni, rumah reptilia dan ruang rehat.

Lebih 60 spesies reptilia terdapat di taman berkenaan dan pastinya memberi pengalaman menarik untuk pengunjung pelbagai peringkat usia. Malah, pengunjung juga dapat melihat ular tedung kira-kira lima meter, ular sawa albino dan pelbagai spesies kura-kura.

Selain itu, penggemar haiwan reptilia juga berpeluang menyaksikan pertunjukan yang diadakan setiap hujung minggu dan cuti umum.

Dengan kadar bayaran hanya RM5 untuk pengunjung dewasa dan RM2 bagi kanak-kanak, pengunjung pastinya akan berpuas hati selepas mengunjungi taman yang dibuka di antara jam 9.30 pagi hingga 5.30 petang setiap hari.

(END)